

Terminal One wajar dinaik taraf

Seremban 16 Jun : Bangunan Terminal One di sini yang menjadi pusat perkhidmatan pengangkutan awam di negeri ini perlu dinaik taraf bagi memberi keselesaan kepada orang ramai.

Menetari Pengangkutan, Anthony Loke Soew Fook, berkata terminal bas berusia lebih 20 tahun itu sewarnya dinaik taraf dengan terminal lebih moden seperti yang terdapat di negeri lain.

“Sejak saya sekolah menengah lagi terminal ini sudah ada atau lebuh 20 tahun kalu. Keadaan di terminal itu kinitidak memuaskan kerana tidak dinaik taraf selama ini.

“Ini adalah terminal untuk ibu negeri. Kebanyakan negeri lain sudah ada terminal bas moden dan baharu kecuali Seremban belum ada. Dari segi lokasi, terminal ini amat strategik dan saya tidak akan mencadangkan supaya ia dipindahkan.

“Saya akan berbincang dengan kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Seremban bagaimana boleh kita naik taraf terminal ini,” katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja di sini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Azlan Shah Parames Albakri.

Anthony yang juga ahli parlimen Seremban berkata, kementerian tersebut menerusi APAD akan memberi kerjasama penuh bagi menambah baik terminal kendaraan.

“Hasrat kita untuk melihat setiap terminal bas di setiap ibu negeri menjadi hub pengangkutan awam untuk memudahkan rakyat untuk berulang-alik. Terminal One ini ada pusat beli belah berdekatannya dan terletak di pusat bandar, banyak aktiviti ekonomi boleh dijalankan,” katanya.

Katanya, pihak swasta digalakkan melabur bagi menaik taraf terminal berkenaan dan mengendalikan kemudahan tersebut seterusnya mendapat pendapatan melalui kutipan parkir bas dan kereta.

Dalam pada itu, beliau memberi amaran kepada pengusaha bas ekspres supaya tidak menaikkan kadar tambang sebanyak RM6.50 sehala yang ditetapkan untuk laluan Seremban-Kuala Lumpur dan sebaliknya.

Katanya, ini berikutan aduan yang diterima daripada orang ramai berhubung kenaikan tambang kepada RM7 bagi laluan berkenaan bermula awal bulan ini.

“Saya telah dapatkan pengesahan pihak APAD bahawa tambang yang diluluskan iaitu tambang siling maksimum RM6.50. Kenaikan sehingga RM7 itu tidak sah. Kita telah arahkan semua syarikat pengendali bas menyelaraskan semula tambang merek dan turunkan semula tambang kepada RM6.50,” jelasnya.

Beliau berkata, pihaknya akan sentiasa memantau perkara itu dan syarikat yang tidak mematuhi kadar tambang ditetapkan bakal berdepan tindakan tegas termasuk digantung lesen.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 47 | 17 JUN 2019